

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[MERBOK]**

**TARIKH : 27 OGOS 2020 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Sejauh mana Kerajaan akan melaksanakan cadangan Jawatankuasa Khas Pembentukan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) untuk menggantikan sistem (First-Past-The-Post-FPTP) dengan sistem Perwakilan berkadar (Proportional Representation).

**JAWAPAN :** **[YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka untuk menerima cadangan-cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak termasuklah cadangan untuk menukar sistem pilihan raya daripada *First Past The Post* kepada *Proportional Representation*.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jawatankuasa Pembentukan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee - ERC*), Jabatan Perdana Menteri **sedang meneliti sistem pilihan raya** sedia ada dan mengkaji kesesuaian sistem-sistem pilihan raya yang lain termasuklah cadangan sistem *Proportional Representation*.

Sekian, terima kasih.